

Kajian Laluan 2 dan 3 MRT siap 2013

KUALA LUMPUR 2 Sept.
- Kajian kemungkinan bagi laluan 2 dan 3 projek MRT Lembah Klang dijangka siap tahun depan.

Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, laluan-laluan itu dijadualkan siap pada 2020 dan akan menyediakan rangkaian hubungan dalam kawasan Kuala Lumpur.

“Menjelang 2020, bahagian pengangkutan awam oleh MRT akan ditingkatkan kepada 50 peratus dan bentuk pengangkutan lain seperti bas dan teksi dan yang lain-lain sebanyak 50 peratus,” katanya, baru-baru ini.

MRT Corp mengumumkan pada awal bulan ini bahawa projek prasarana terbesar negara – Laluan Transit Aliran Massa Sungai Buloh-Kajang – berjalan mengikut jadual dan projek itu telah beralih daripada kerja-kerja persediaan kepada fasa pembinaan aktif.

Tarikh akhir bagi operasi fasa satu Laluan 1 Sungai Buloh-Kajang yang bermula dari Sungai Buloh ke Semantan ialah pada Disember 2016.

Fasa kedua dari Semantan ke Kajang akan beroperasi pada Julai 2017. - BERNAMA